 KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA	LEMBAGA PENILAIAN KOMPETENSI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (LPKKKP)		
	Syarat dan Format Peperiksaan Juruteknik Higien 1 (Pemonitoran Kimia)		
	No. Dokumen	Tarikh	Muka Surat
	600-6-12/3A	23.12.2025	1/3

1. Syarat Kemasukan

1.1. Syarat Am

- 1.1.1. Warganegara Malaysia; **DAN**
- 1.1.2. Boleh berkomunikasi secara lisan dan menulis dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris; **DAN**

1.2. Syarat Khusus

1.2.1. Pilihan 1

- 1.2.1.1 Mempunyai sekurang-kurangnya Diploma Lanjutan dalam bidang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan atau Higien Industri yang diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA); **ATAU**

1.2.2. Pilihan 2


- 1.2.2.1 Mempunyai Diploma dalam bidang Kejuruteraan dan Sains Tulen Gunaan yang diiktiraf oleh MQA; **DAN**
- 1.2.2.2 Telah melengkapkan kursus Juruteknik Higien 1 (HT1) anjuran Penyedia Latihan Berdaftar (PLB) yang diiktiraf oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP); **ATAU**

1.2.3. Pilihan 3

- 1.2.3.1 Mempunyai Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dengan prinsipal dalam mana-mana mata pelajaran Sains atau Sijil Kejuruteraan Politeknik atau yang setaraf; **DAN**
- 1.2.3.2 Telah melengkapkan kursus HT1 anjuran PLB yang diiktiraf oleh JKKP.

2. Tempoh Menduduki Peperiksaan

Bermula 1 Januari 2024, peserta kursus perlu menduduki peperiksaan pertama dalam tempoh **satu (1) tahun** dari tarikh tamat kursus.

 KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA	LEMBAGA PENILAIAN KOMPETENSI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (LPKKKP)		
	Syarat dan Format Peperiksaan Juruteknik Higien 1 (Pemonitoran Kimia)		
	No. Dokumen 600-6-12/3A	Tarikh 23.12.2025	Muka Surat 2/3


3. Format Peperiksaan

Komposisi kertas peperiksaan adalah seperti berikut:

KERTAS	BAHAGIAN	FORMAT	JUMLAH SOALAN	MASA	MARKAH LULUS	YURAN
1	A	Soalan Aneka Pilihan	40	1 jam	60%	RM200
	B	Soalan Struktur	2	1 jam 30 minit	60%	
		Soalan Esei	1			
2	A	Laporan Tugas Tempat Kerja (WPA)	-	-	60%	RM100
	B	Pembentangan	-	15 minit	60%	RM200
		- Sesi Pembentangan - Sesi Soal & Jawab	-	25 minit		
3	-	<i>Chemical Sampling Skill</i>	-	30 minit	100%	RM200
JUMLAH						RM700

NOTA:

- Calon perlu lulus Bahagian A dan B bagi Kertas 1.
- Calon perlu menduduki Kertas 2 terlebih dahulu sebelum menduduki Kertas 3, atau menduduki Kertas 2 dan Kertas 3 serentak.
- Calon perlu lulus Bahagian A dan B bagi Kertas 2.
- Calon yang gagal Kertas 2 (Bahagian A dan Bahagian B) perlu mengulang Kertas 2A sehingga lulus sebelum mengulang Kertas 2B.
- Laporan Tugas Tempat Kerja (WPA) perlu dihantar secara dalam talian. Rujuk Garis Panduan Tugas Tempat Kerja.
- Calon diminta membawa peralatan lengkap untuk Kertas 3.

	LEMBAGA PENILAIAN KOMPETENSI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (LPKKKP)		
	Syarat dan Format Peperiksaan Juruteknik Higien 1 (Pemonitoran Kimia)		
	No. Dokumen 600-6-12/3A	Tarikh 23.12.2025	Muka Surat 3/3

4. Bahasa

- 4.1. Kesemua soalan adalah dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
- 4.2. Kesemua jawapan perlu dijawab dalam salah satu pilihan bahasa sahaja.

5. Peperiksaan Ulangan

- 5.1. Bermula 1 Januari 2024, tiada had untuk mengulang dan calon perlu melengkapkan peperiksaan dalam tempoh **dua (2) tahun** dari tarikh peperiksaan pertama.
- 5.2. Calon yang telah melebihi tempoh **dua (2) tahun** akan berstatus gagal dan perlu menghadiri kursus HT1 semula.

6. Sijil Kelayakan

Sijil Kelayakan akan diberikan kepada calon yang lulus peperiksaan.

Disediakan oleh :

Sekretariat

Jawatankuasa Kompetensi Juruteknik Higien 1

Lembaga Penilaian Kompetensi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (LPKKKP)

Pusat Peperiksaan LPKKKP

d/a Bahagian Peperiksaan dan Persijilan (ECD), NIOSH

Tarikh kelulusan Lembaga Penilaian Kompetensi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (LPKKKP) : 23 Disember 2025

Tarikh kuat kuasa : 1 Januari 2026